



**YB. PHEE BOON POH**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.*

Ruj.Kami : PSUKPP/027/100/Pent/11/a(15)  
Tarikh : 1 Mac 2017

Kepada:

**PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bersih, hijau, mampan dan selamat untuk didiami dengan persekitaran yang sihat. Lanjutan itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang telah diperkenalkan sejak tahun 2009 di Pulau Pinang sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang*.

3. Melalui pelaksanaan kempen tersebut, semua premis perniagaan yang terlibat adalah disyarat untuk mengenakan caj RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis perniagaan masing-masing. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan kempen, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan Garis Panduan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang yang boleh dimuaturun melalui laman sesawang [www.penang.gov.my](http://www.penang.gov.my) sebagai panduan untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

4. Hasil kutipan caj RM0.20 sen yang diterima akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan program-program kebajikan Agenda Ekonomi Saksama (AES) di Pulau Pinang. Justeru itu, jasa baik Tuan/Puan dalam memberikan kerjasama melalui pematuhan pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekian.

**'CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS'**

  
PHEE BOON POH